

PEMBENTANGAN USUL-USUL

PERSIDANGAN PERWAKILAN TRI TAHUNAN SESI 2020 - 2023 KESATUAN PEMANDU-PEMANDU KEMENTERIAN KESIHATAN SEMENANJUNG MALAYSIA

19 Disember 2020 (Sabtu)
SIDANG VIDEO MENGGUNAKAN *APLIKASI SKYPE*

1. Pindaan Peraturan - Perubahan Alamat Pejabat Kesatuan D/A Kelab Batu Pahat, No. 324, Jalan Kelab, 83000 Batu Pahat, Johor ke alamat baru D/A: No. 24, Kampung Baru Pangsenam, Jalan Triang, 28000 Temerloh, Pahang.
2. Pindaan Peraturan - Perubahan Gelaran Jawatan Bagi Majlis Jawatankuasa Agung Di Dalam Buku Peraturan
 - 2.1. Bendahari Agung - Setiausaha Kewangan
 - 2.2. Naib Presiden - Timbalan Presiden
 - 2.3. Penolong Setiausaha Agung - Timbalan Setiausaha Agung
 - 2.4. Penolong Bendahari Agung - Timbalan Setiausaha Kewangan
3. Kuasa menandatangani cek-cek pengeluaran di bank-bank kesatuan diperingkat Ibupejabat dan Cawangan hendaklah 2 daripada 3 Pegawai iaitu:
 - 3.1. Setiausaha Kewangan (WAJIB) dan salah satu Presiden atau Setiausaha Agung.
 - 3.2. Bendahari Cawangan (WAJIB) dan salah satu Pengurus atau Setiausaha Cawangan.
4. Opsyen 2013 dikaji semula supaya diambil kira daripada tarikh lantikan untuk memberi peluang kepada kakitangan awam yang terlibat supaya menikmati Timebase 13 Tahun selain itu juga dapat memberi peluang lantikan Timebase Ke Dua apabila menerima Opsyen H11 / N11 / U11 untuk Gred 18 ke bawah.
5. Ujudkan perjawatan H14/H16/H18 Hakiki di semua fasiliti kesihatan termasuk Pejabat Pergigian Daerah / Pejabat Kesihatan Daerah / Hospital Daerah dan lain-lain fasiliti kesihatan yang mempunyai jumlah bilangan pemandu sekurang-kurangnya 7 Orang Pemandu Kenderaan Gred H 11.
6. Menginsuranskan kenderaan jabatan untuk pihak insurans menanggung kos-kos pembaikan kenderaan yang terlibat dengan kemalangan jalanraya.
7. Saman kenderaan jabatan dan spanco mohon pihak PDRM dapat menimbangkan bayaran terendah untuk kes saman-saman lampau yang mana semua saman-saman tertunggak diletakan dibawah Pemandu Kenderaan untuk diselesaikan.
8. Penggantian Kenderaan Baru kepada kenderaan yang telah BER. Kenderaan yang telah melebihi 15 Tahun tidak sesuai digunakan untuk keselesaan pemandu dan

penumpang / pesakit selain tidak menggambarkan imej KKM yang sentiasa prihatin terhadap kesihatan rakyat dengan kemudahan yang disediakan untuk rakyat yang uzur dan tidak selesa dalam penyampaian perkhidmatan.

9. Kursus dan Latihan Pemandu Kenderaan Jabatan / Ambulans - Kursus Pentauliahan / Persijilan bagi meningkatkan Kompetensi Pemandu Kenderaan.
10. Mengujudkan **Tabung Kebajikan** untuk ahli-ahli kesatuan dengan membuka **Akaun Khas** bagi memudahkan bantuan kewangan kepada cawangan / waris keluarga ahli yang ditimpa musibah. Kadar caruman adalah sebanyak **RM2.00**, **RM1.00** daripada Ibupejabat dan **RM1.00** daripada Cawangan. **Baki RM8.00 akan dibahagikan RM4.00 ke Ibupejabat dan RM4.00 ke Cawangan.** Penetapan ini adalah untuk memudahkan urusan kewangan Ibupejabat selain dapat menyalurkan yuran secara konsisten kepada Cawangan dan untuk Pengauditan.
11. Kesatuan bercadang untuk mengadakan **Sambutan Hari Profesion Pemandu Kenderaan (HPPK)** Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia pada 26 November setiap tahun.